

# Yusof Rawa akan kalah teruk

ALOR SETAR, Sabtu. — Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusof Rawa, akan kalah teruk jika bertanding menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di kawasan Parlimen Kubang Pasu, dalam pilihanraya 22 April ini.

Setlauseha Pilihanraya kawasan itu, Ustaz Abu Bakar Bin Hussein, memberitahu pengundi-pengundi tidak akan menerima "orang luar datang bertanding" di kawasan itu.

Menurut beliau, keputusan PAS meletakkan Haji Yusof bertanding di kawasan Kubang Pasu, menyinggung perasaan penyokong-penyokong PAS kawasan itu.

Tokoh-tokoh dan penyokong PAS di kawasan, itu, tambahnya, sedar perjuangan mereka tidak dihargai oleh pemimpin-pemimpin PAS Pusat dan Negeri dengan meletakkan Haji Yusof (yang tidak diterima oleh rakyat tempat tinggalnya sendiri, Pulau Pinang).

Ustaz Abu Bakar, berkata, contohnya telah berlaku ke atas pemimpin PAS sendiri. Datuk Haji Asri yang lari meninggalkan Kelantan untuk bertanding di Kedah, di Kawasan Parlimen Padang Terap, dalam pilihanraya umum lalu.

Datuk Haji Asri tewas

menentang bekas Menteri Besar, Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin, kerana beliau "tidak diterima oleh pengundi kawasan tersebut."

"Saya percaya, pengundi-pengundi di kawasan Kubang Pasu, khususnya penyokong PAS, tidak akan menerima dan mengundi calon yang didatangkan dari luar, yang tidak laku lagi di negerinya sendiri."

"Saya percaya seluruh pengundi di kawasan itu akan mengundi Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai 'anak watan' negeri ini, bagai mengemukakan beliau menjadi Perdana Menteri," kata Ustaz Abu Bakar yang juga Setiausaha UMNO Bahagian itu.

Menurutnya, 3,000 ahli PAS yang bersekolah tadah kepada UMNO berikrar berusaha kuat untuk mendapatkan kemenangan yang cemerlang bagi Datuk Seri Dr. Mahathir.

Mereka itu, katanya, adalah dari 25 cawangan PAS yang dibubarkan dan digantikan dengan cawangan baru UMNO, beberapa bulan lalu.



■ HAJI YUSOF RAWA

Beberapa cawangan PAS di kawasan itu juga berikrar akan mengundi Perdana Menteri dalam pilihanraya ini.

Bagi mencapai kemenangan mutlak di kawasan itu, 2,630 Wanita UMNO Bahagian Kubang Pasu melancarkan gerakan kempen dari rumah ke rumah, sejak pertengahan bulan lalu.

Katanya, setiap pasukan itu mengandungi 10 orang diketuai oleh Ke-



■ DATUK HAJI ASRI

lusa Cawangan masing-masing, yang ditugaskan ke 263 kampung dalam kawasan parlimen itu. Gerakan itu mendapat sambutan yang amat mengalakkan, khususnya di kalangan penyokong-penyokong PAS.

Menurutnya lagi, sambutan itu mereka berikan setelah menyadari bahawa Perdana Menteri sudah melaksanakan apa yang diura-urakan oleh PAS, khususnya



■ TAN SRI SYED AHMAD

penubuhan Universiti Islam antarabangsa yang dirancangkan dibina di Kedah.

Ustaz Abu Bakar berkata, UMNO Bahagian itu juga menubuhkan 'Pasukan Gempur' mengandungi 3,000 pemuda bahagian itu, ia bergerak sejak sebulan lalu.

Hasilnya, beberapa kpu kuat PAS berjaya dipечahkan, digantikan dengan penubuhan cawangan baru UMNO.

Oleh  
ASMAWI HJ ASMAWI